

- C. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai berdasarkan maklumat di bawah.

Jom Gotong-royong

JOM GOTONG-ROYONG

Tarikh: 8 April 20□□

Masa: 8:30 pagi -12:30 tengah hari

Tempat: Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah

SEMUA IBU BAPA DAN PENJAGA DIJEMPUT HADIR

Aktiviti:

- mencantas dahan pokok
- menanam pokok di sekitar kawasan kolam dan taman
- menyusun batu bata di laluan kolam hiasan
- mengecat garisan laluan dan di tepi kolam
- membaiki pulih landskap
- melukis mural

Semua peralatan untuk gotong-royong
disediakan oleh pihak sekolah.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta Persatuan Bekas Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah akan mengadakan program

Program ini diadakan pada Program ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan dijangka tamat pada pukul

Program ini melibatkan semua ibu bapa, penjaga, bekas murid dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dirancang pada hari tersebut. Antaranya adalah dan dahan pokok, menanam pokok di sekitar kawasan dan , menyusun di laluan kolam hiasan, membaiki pulih dan juga mural pada dinding bangunan.

Pihak sekolah menyediakan untuk aktiviti gotong-royong ini. Semoga program Jom Gotong-royong ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pihak sekolah dengan ibu bapa.